



KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

TAWARAN UNTUK MELAKSANA DAN MENJALANKAN PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA DI PUSAT LATIHAN SOLAR TESDEC, KAWASAN PERINDUSTRIAN BATU 7, MUKIM SURA, 23000 DUNGUN, TERENGGANU.

1. Pelawaan tawaran adalah bagi maksud mendapat penyedia perkhidmatan untuk menjalankan Perkhidmatan Keselamatan Tanpa Senjata di Pusat Latihan Solar TESDEC bagi tempoh **2020/2022**.
2. Tawaran ini adalah dipelawa daripada syarikat bertaraf **Bumiputera** atau individu Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam **Kod Bidang 220801**.
3. Salinan asal dokumen perakuan pemerbadanan syarikat atau pendaftaran perniagaan dan akaun pendaftaran kontraktor Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah laku tempohnya hendaklah disertakan semasa pembelian dokumen tawaran.
4. **Taklimat** akan diadakan pada **24 SEPTEMBER 2020 (KHAMIS)** pada **JAM 10.00 PAGI** di Pusat Latihan Solar TESDEC, Kawasan Perindustrian Batu 7, Mukim Sura, 23000 Dungun, Terengganu. **Lawatan tapak** akan dibuat sebaik sahaja selesai sesi taklimat. Sila bawa bersama cop syarikat.

5. Dokumen Sebutharga boleh didapati mulai **24 SEPTEMBER 2020 (KHAMIS)** di pejabat pentadbiran selepas taklimat dan lawatan tapak pada harga **RM50.00** senaskah dibayar secara tunai.
6. Hanya petender atau wakil yang hadir taklimat dan lawatan tapak sahaja dibenarkan membeli dokumen tawaran. **Setiap petender atau wakil hanya dibenarkan mewakili satu syarikat atau satu petender sahaja.**
7. Dokumen Sebutharga yang telah diisi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan ke dalam sampul yang **berlakri** dengan ditanda **“SEBUTHARGA : KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA 2020/2022”** di atas sebelah kiri sampul dan diposkan kepada :-

Ketua Pegawai Operasi
TESDEC Green Energy Sdn Bhd,
Kawasan Perindustrian Bukit Khor,
21600 Marang, Terengganu.

ATAU

Jika dihantar tangan, dokumen hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender atau Peti Sebutharga yang disediakan di Pejabat Pentadbiran di tingkat atas Bangunan Ibnu Batuta selepas pintu masuk utama pejabat TESDEC di atas sebelum atau pada tarikh tutup **4 OKTOBER 2020 (AHAD)** pada **JAM 12.00 TENGAH HARI.**